

Usul (43): Riwayat-riwayat yang menyebutkan tentang kelebihan hidup dalam keadaan miskin dan papa kedana maudhu` semuanya. Tidak ada satu pun sahih. Demikian juga riwayat-riwayat yang memuji kemiskinan dan kepapaan, menyatakan kemuliaan orang-orang miskin di akhirat dan kehinaan orang-orang yang berharta secara mutlaq.

Riwayat-riwayat seperti ini sebenarnya banyak. Penulis hanya mengemukakan beberapa sahaja daripadanya sebagai contoh.

Contoh Pertama:

الْفَقْرُ فَخْرِي وَبِهِ أَفْتَخِرُ

Bermaksud: Kepapaan adalah kebangganku, dan dengannyalah aku berbangga.

Rujukan:

Majmū` al-Fatāwa j.11 m/s 117, al-Fatāwa al-Kubra j.5 m/s 89, at-Talkhīsh al-Ĥabīr j.3 m/s 239-241, Mirqāt al-Mafātiḥ Syarḥ Misykāt al-Mashābīḥ, Tuḥfatu al-Aḥwadzi j.6 m/s 139, Kasyfu al-Khafā` j.2 m/s 87, Tadzkiratu al-Maudhū`āt m/s 178, al-Maqāshidu al-Ĥasanah 480, al-Mashnū` Fi Ma`rifati al-Ĥadīts al-Maudhū` m/s 128.

Komentar:

(1) Ḥafīzh Ibnu Hajar berkata di dalam at-Talkhīsh al-Ĥabīr, “Ḥāfīzh Ibnu Taimiyyah pernah ditanya tentang hadits ini, maka beliau menjawab, “Ia adalah dusta, tidak diketahui adanya di dalam mana-mana kitab riwayat orang-orang Islam. As-Shaghāni yakin ia maudhu` (hadits yang diada-adakan atas nama Nabi s.a.w.).”

(2) Di dalam Majmū` al-Fatāwa, Ḥāfīzh Ibnu Taimiyyah sendiri menulis begini: “Adapun hadits tersebut iaitu “Kepapaan adalah kebangganku, dan dengannyalah aku berbangga”, maka ia adalah dusta dan maudhu`. Tidak ada siapa pun yang mempunyai pengetahuan tentang hadits meriwayatkannya daripada Nabi s.a.w.

Ma`nanya juga karut. Sebabnya ialah Nabi s.a.w. tidak pernah berbangga dengan apa-apa, sebaliknya Baginda bersabda: {أَنَا سَيِّدٌ وَلَدِ آدَمَ وَلَا فَخْرٌ} Bermaksud: Aku adalah penghulu anak Adam, bukan untuk berbangga dan bermegah aku berkata begitu.” Di dalam hadits lain pula Baginda bersabda: {إِنَّهُ أَوْجِي إِلَيَّ أَنْ تَوَاضَعُوا حَتَّى لَا يَفْخَرَ أَحَدٌ عَلَى أَحَدٍ وَلَا} Bermaksud: “Sesungguhnya telah diwahyukan kepadaku bahawa

hendaklah kamu merendahkan diri supaya tiada siapa pun akan membangga diri di hadapan orang lain, dan supaya tidak ada siapa pun menyombong terhadap orang lain.” Jikalau Nabi s.a.w. memang hendak berbangga dengan sesuatu, niscaya Baginda akan berbangga dengan keistimewaan yang dikurniakan oleh Allah kepadanya melebihi sekalian makhlukNya yang lain.”

Imam Ibnu Taimiyyah nampaknya telah menghukum maudhu' terhadap hadits tersebut kerana beberapa sebab:

i- Kerana ia tidak diriwayatkan oleh sesiapa pun yang mempunyai pengetahuan tentang hadits daripada Nabi s.a.w.

ii- Ma'nanya karut.

iii- Ia bercanggah dengan hadits-hadits lain yang sahih sedangkan ia sendiri tidak sahih.

iv- Tidak sesuai dengan sifat Nabi s.a.w. yang memang diketahui sebagai seorang yang amat merendahkan diri.

(3) Kalaulah kepapaan dan kemiskinan itu memang sesuatu yang dibanggakan oleh Rasulullah s.a.w. kenapa dalam sekian banyak hadits, Baginda diriwayatkan berlindung kepada Allah daripadanya?

Sebagai contohnya lihat saja hadits-hadits berikut:

١ - اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْفَقْرِ وَالْقِلَّةِ وَالذَّلَّةِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ أَنْ أَظْلِمَ أَوْ أَظْلَمَ

Bermaksud: “Ya Allah, aku berlindung denganMu daripada kefakiran, kekurangan dan kehinaan. Aku (juga) berlindung denganMu daripada menzalimi (orang) dan dizalimi (orang).” (Hadits riwayat Abu Daud, Ahmad, Ibnu Hibbaan, Nasā'i, Ibnu Majah, al-Haakim, at-Thabaraani dan lain-lain daripada Abi Hurairah).

٢ - اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْفَقْرِ وَالْكَفْرِ

Bermaksud: “Ya Allah, Sesungguhnya aku berlindung kepadaMu daripada kefakiran dan kekufuran.” (Hadits riwayat an-Nasā'i dan Ibnu Hibbaan daripada Abi Sa'id secara marfu').

٣- عن أبي بكره «أن رسول الله - صَلَّى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - كَانَ يَقُول فِي دُبْرِ الصَّلَاةِ: أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْكُفْرِ وَالْفَقْرِ وَعَذَابِ الْقَبْرِ

Bermaksud: Abu Bakrah meriwayatkan, bahawa Rasulullah s.a.w. selalu mengucapkan selepas shalat: “Aku berlindung denganMu daripada kekufuran, kepapaan dan azab kubur.” (Hadits riwayat Ibnu Hibbaan dan al-Haakim).

(4) Tājuddīn as-Subkī menurut apa yang dinukilkan oleh az-Zarkasyī dan anak beliau Taqīyyuddīn as-Subkī di dalam at-Taṣyīḥ telah berkata:

“Rasulullah s.a.w. tidak pernah papa kedana harta sama sekali. Keadaan Baginda s.a.w. juga bukan seperti orang papa. Rasulullah s.a.w. bahkan seorang yang sangat kaya. Keperluan dunia untuk diri dan keluarganya mencukupi. Sabda Nabi s.a.w. اللَّهُمَّ أَحْيِنِي مَسْكِينًا (Ya Allah, hiduskanlah aku sebagai seorang miskin), bererti rendah hati, ia tidak bererti orang miskin yang tidak mempunyai keperluan yang mencukupi.”

Beliau (Tājuddīn as-Subkī) membantah keras terhadap orang-orang yang tidak berpendapat seperti ini.

(5) Shah `Abdul Ghani di dalam Injāḥ al-Ĥājah Syarḥ Sunan Ibnī Majah menulis, “Sabda Nabi s.a.w. أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْفَقْرِ (aku berlindung denganMu daripada kepapaan) tidak bercanggah dengan hadits أَحْيِنِي مَسْكِينًا (hiduskanlah aku sebagai orang miskin). Inilah terjemahan zahirnya. Terjemahannya yang tepat ialah (hiduskanlah aku sebagai orang yang merendah diri dan tidak sombong). Kerana الْمَسْكِينَةُ yang dipinta oleh Rasulullah s.a.w. bererti sifat merendah diri dan tidak sombong.

Andai kata الْمَسْكِينَةُ yang dipinta oleh Nabi s.a.w. itu bererti kepapaan atau kemiskinan harta benda, maka telah tidak diterimalah oleh Allah doanya itu. Kerana Nabi s.a.w. telah wafat dalam keadaan kaya-raya dan senang-lenang lantaran banyaknya harta fai’ dan ghanimah yang diperolehi. Walaupun tidaklah Baginda melonggok duit.

Tidak boleh dikatakan orang yang mati dalam keadaan meninggalkan sekain banyak kebun di Madinah dan di Fadak, di samping harta benda yang lain, mati dalam keadaan miskin.

Allah s.w.t pula berfirman tentang NabiNya Muhammad s.a.w. begini:

وَوَجَدَكَ غَابِلًا فَأَغْنَى

Bermaksud: Dan (bukankah) didapatiNya engkau (Muhammad) miskin, lalu Dia memberikan kekayaan (kepadamu)? (ad-Dhuha:8).

Kalaulah kefakiran itu baik, tentulah Allah tidak menyebutkan kekayaan sebagai ni`mat kurniaanNya kepada Baginda...

Menta'wilkan kefakiran atau kepapaan dengan kepapaan jiwa salah. Kita tidak mengetahui ada mana-mana nabi dan sahabat Nabi s.a.w. memohon kepapaan atau malapetaka, mereka sebaliknya berdoa agar terhindar dari kedua-duanya.

Mutharrif berkata, "Aku selamat sejahtera, lalu bersyukur lebih baik lagi daripada aku diuji, lalu bersabar."

Sekiranya kepapaan itu suatu kelebihan dalam semua keadaan, niscaya para nabi dan sahabat merekalah yang paling patut mendapatnya. Sedangkan kita tidak mengetahui ada ada nabi-nabi yang susah selain Nabi `Isa dan Nabi Yahya a.s. sahaja.

Saiyyidina Abu Bakar r.a. telah meninggalkan kebun tamar sebagai pesakanya. Dengan harta yang dibelanjakannyalah dia telah mendapat darjat kehampiran dengan Allah. Saiyyidina `Umar telah mempusakakan dan mewakafkan harta bendanya. Beliau juga mendapat habuan yang banyak daripada harta fai'.

Abu Dzar yang ditonjolkan sebagai contoh oleh orang-orang yang melebihi kehidupan miskin daripada kehidupan kaya juga mempunyai sekumpulan unta dan kambing. Az-Zubair, Thalhah dan `Abdur Rahman telah meninggalkan banyak sekali harta benda.

Ibnu `Abbaas berkata, "Aku mempunyai perbelanjaan untuk lapan puluh tahun. Perbelanjaan untuk setiap harinya seribu."

Sa'id bin Musayyab berkata, "Tiada kebaikan pada orang yang tidak mengumpulkan harta. Dengan hartalah dia dapat membayar hutangnya, dapat menjalin perhubungan kekeluargaan dan dapat menjaga air mukanya."

Sufyan meninggal dunia dalam keadaan mempunyai barang-barang berharga bernilai seratus lima puluh dinar. (Lihat Injāh al-Ĥājah Syarh Sunan Ibnu Majah m/s 273).

(6) Berdasarkan perbincangan dan keterangan yang lalu dapatlah disimpulkan bahawa patutlah pakar-pakar hadits seperti as-Shaghāni, Ibnu Taimiyyah, al-`Irāqi, Ḥāfiẓh Ibnu Ḥajar, as-Sakhāwi, Mulla `Ali al-Qāri, al-Mubārakfūri, al-Albāni dan lain-lain menghukum hadits contoh pertama itu sebagai karut dan maudhu`.

Contoh Kedua:

الْفَقْرُ شَيْنٌ عِنْدَ النَّاسِ وَرَيْنٌ عِنْدَ اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Bermaksud: Kepapaan adalah kecacatan di sisi manusia, tetapi kecantikan di sisi Allah pada hari kiamat.

Rujukan:

Musnad al-Firdaus j.2 m/s 342, Kasyfu al-Khafā' j.2 m/s 101, Silsilatu al-Aḥādītsi ad-Dha'īfah Wa al-Maudhū'ah j.9 m/s 30.

Komentar:

(1) Ad-Dailami meriwayatkannya daripada Anas secara marfu' menerusi saluran riwayat berikut:

عن محمد بن مقاتل الرازي: حدثنا جعفر بن هارون الواسطي: حدثنا سمعان بن مهدي، عن أنس رفعه

(2) Kecacatan pada sanad hadits ini terletak pada Sam`ān dan orang-orang di bawahnya. Berkenaan Sam`ān kata Imam adz-Dzahabi, "Sam`ān bin Mahdi (meriwayatkan) daripada Anas bin Malik. (Sam`ān) Haiwan yang tidak dikenali. Dikaitkan dengannya satu nuskah (sebuah kitab) berisi hadits palsu. Saya telah melihat kitab itu. semoga Allah menghodohkan rupanya. (Mīzān al-I`tidāl j.2 m/s 234).

(3) Ḥafīẓh Ibnu Hajar menulis tentang Sam`ān: "Sam`ān bin Mahdi daripada Anas bin Malik, seorang yang hampir-hampir tidak dikenali." Setelah menukikan apa yang disebut oleh Imam adz-Dzahabi tadi Ḥafīẓh Ibnu Hajar menulis: "Nuskah (kitab) yang

dikaitkan dengan Sam`ān itu mengandung lebih tiga ratus hadits. Kebanyakan matannya maudhu`. Ia diriwayatkan oleh Muhammad bin Muqātil ar-Rāzi daripada Ja`far bin Harun daripada Sam`ān. (Lisān al-Mīzān j.4 m/s 191).

(4) Kebanyakan pengarang kitab-kitab yang mengumpulkan dan membincangkan hadits-hadits maudhu` tidak lupa menceritakan tentang sebuah kitab yang dikaitkan dengan Sam`ān. Namanya ialah “Musnad Anas al-Bashri”. Ia dikatakan mengandung kira-kira tiga ratus hadits yang diriwayatkan oleh Sam`ān daripada Anas. Hadits pertamanya ialah أُمِّي فِي سَائِرِ الْأُمَمِ كَالْقَمَرِ فِي النُّجُومِ (Umatku berbanding sekalian umat yang lain seperti bulan di antara bintang-bintang). (Lihat Kasyful Khafā' j.2 m/s 504, Asna al-Mathālib m/s 339, al-Fawā'id al-Majmū'ah, al-Asrār al-Marfū'ah m/s 407, al-Mashnū' Fi Ma'rifati al-Ĥadīths al-Maudhū' m/s 247 dan lain-lain).

(5) Hafiz Ibnu `Abdil Hādi di dalam as-Shārim al-Manki berkata: “Sam`ān adalah salah seekor haiwan yang kita tidak mengetahui sama ada ia pernah wujud atau tidak.” (As-Shārim al-Manki m/s 177).

(6) Kenyataan yang diberikan di atas menunjukkan riwayat ad-Dailami yang dikemukakan sebagai contoh kedua itu sebenarnya berpunca daripada Musnad Anas al-Bashri, sebuah buku yang penuh dengan hadits-hadits maudhu` itu juga.

(7) Mengenai Ja`far bin Harun pula adz-Dzahabi di dalam Mīzān al-I'tidāl berkata: “Ja`far bin Harun meriwayatkan (hadits) daripada Muhammad bin Katsīr as-Shan`āni. Dia (Ja`far bin Harun) membawa hadits maudhu`.” Keterangan adz-Dzahabi ini disokong oleh Hafizh Ibnu Hajar di dalam Lisān al-Mīzān. (Lihat Mīzān al-I'tidāl j.1 m/s 420, Lisān al-Mīzān j.2 m/s 480).

(8) Muhammad bin Muqātil ar-Rāzi walaupun tidak disebut sebagai penyebar atau pereka hadits maudhu`, tetapi dia juga perawi bermasalah. Kata adz-Dzahabi: “Dia perawi yang dipertikaikan oleh para ulama Rijāl, walaupun tidaklah sampai dianggap matrūk (perawi yang tidak boleh diterima langsung riwayatnya).” Hafizh Ibnu Hajar pula di dalam Taqrīb at-Taḥdzīb berkata: “Dia dha'if.” (Lihat Mīzān al-I'tidāl j.4 m/s 47, Taqrīb at-Taḥdzīb j.2 m/s 210).

(9) Tidak ada erti yang dapat difahami daripada kata-kata, “Kepapaan adalah kecacatan di sisi manusia, tetapi kecantikan di sisi Allah pada hari kiamat”, selain daripada

kepapaan itu sebenarnya adalah suatu kelebihan yang tidak nyata pada pandangan manusia. Dan jika dianggap kepapaan itu satu kekurangan sekalipun, ia akan diganjar dengan ganjaran yang istimewa di akhirat kelak.

(10) Dengan adanya kenyataan-kenyataan seperti ini atas nama hadits Nabi s.a.w. secara tidak langsung akan membuat orang-orang yang mempercayainya menganggap kepapaan dan kemelaratan adalah suatu keistimewaan yang tersembunyi!

(11) Tentulah apa yang cantik di sisi Allah itulah yang sebenar-benar cantik. Kerana nilai sebenar sesuatu tidak dapat ditentukan oleh manusia. Apabila penilaian manusia bertembung dengan penilaian Allah, sepatutnya penilaian Allah-lah yang akan diutamakan oleh orang-orang yang beriman. Kalau begitu, kenapa pula tersebut di dalam hadits-hadits sahih, Rasulullah s.a.w. sendiri memohon perlindungan kepada Allah daripada kepapaan. Kenapa bukan sahaja Baginda memohon perlindungan kepada Allah daripadanya, bahkan Baginda juga menyuruh sahabat-sahabatnya dan umatnya memohon perlindungan kepada Allah daripadanya?!

Lihat sabda Rasulullah s.a.w. ini sebagai contohnya”

تَعَوَّذُوا بِاللَّهِ مِنَ الْفَقْرِ وَالْقِلَّةِ وَالذَّلَّةِ، وَأَنْ تَظْلِمَ أَوْ تُظْلَمَ

Bermaksud: Mohonlah perlindungan kepada Allah daripada kepapaan, kekurangan dan kehinaan, juga daripada engkau menzalimi (orang) dan dizalimi (orang). (Hadits riwayat Ahmad, Ibnu Hibbaan, Ibnu Majah, an-Nasā’i dan al-Haakim).

Contoh Ketiga:

اطْلُبُوا الْإِيَادِي عِنْدَ فَقَرَاءِ الْمُسْلِمِينَ فَإِنَّ لَهُمْ دَوْلَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Bermaksud: Carilah pertolongan pada orang-orang faqir miskin di kalangan orang-orang Islam, kerana mereka ada kuasa di hari kiamat (kelak).

Rujukan:

Ĥilyatu al-Auliyā’ j.8 m/s 297, Tārīkh Dimasyq j.14 m/s 19, Faidhul Qadīr j.1 m/s 113, at-Tanwīr Syarĥ al-Jāmi` as-Shaghīr j.1 m/s 303, al-`Ilal al-Mutanāhiah j.2 m/s 516, al-Ajwibah al-Mardhiyyah j.2 m/s 748-750, al-Fawā'id al-Maudhu'ah Fi al-Aĥādīts al-Maudhu'ah m/s 116, Naqdu al-Manqūl j.1 m/s 132, Kasyfu al-Khafā' j.1 m/s 37,

Tadzkiratu al-Maudhū'āt m/s 178, Silsilah al-Aḥādīts ad-Dha'īfah Wa al-Maudhū'ah j.3 m/s 161.

Komentar:

(1) Abu Nu'aim dikatakan telah meriwayatkan hadits tersebut dengan sanadnya di dalam Ḥilyatu al-Auliya' daripada Ḥusain bin 'Ali cucunda Nabi s.a.w. Demikianlah tersebut di dalam al-Jāmi' as-Shaghīr, Kasyfu al-Khafā' dan lain-lain. Pengarang at-Tanwīr bagaimanapun mengatakan beliau tidak mendapati riwayat berkenaan diriwayatkan daripada Ḥusain bin 'Ali cucunda Nabi s.a.w. di dalam Ḥilyatu al-Auliya'. Sebaliknya ia bagi beliau diriwayatkan daripada Wahab bin Munabbih seperti kata at-Tharafi.

Memang benar keraguan yang ditimbulkan oleh pengarang at-Tanwīr itu. Di dalam Ḥilyatu al-Auliya' edisi terbitan as-Sa'ādah Mesir yang menjadi punca bagi edisi-edisi terbitan Darul Kitāb al-'Arabi Beirut, Darul Fikr Beirut dan Darul Kutub al-'Ilmiyyah Beirut, riwayat itu tidak dikaitkan dengan Ḥusain bin 'Ali. Sebaliknya ia dikaitkan dengan Wahab bin Munabbih.

(2) Di bawah ini dikemukakan teks riwayat yang berpunca daripada Wahab bin Munabbih bersama sanad Abu Nu'aim di dalam Ḥilyatu al-Auliya':

حَدَّثَنَا أَبِي، ثنا إِسْحَاقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ، ثنا أَحْمَدُ بْنُ أَصْرَمَ، ثنا مُحَمَّدُ بْنُ يَحْيَى، ثنا أَصْرَمُ بْنُ حَوْشَبٍ، عَنْ أَبِي عُمَرَ الصَّنْعَانِيِّ، عَنْ إِبْرَاهِيمَ بْنِ فَرَّاسٍ، عَنْ وَهْبٍ، قَالَ: اتَّخَذُوا الْيَدَ عِنْدَ الْمَسَاكِينِ، فَإِنَّ لَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ دَوْلَةً

Bermaksud: Kata Wahab: “Carilah pertolongan pada orang-orang miskin, kerana sesungguhnya mereka pada hari kiamat kelak mempunyai kuasa.”

Perawi teratas di dalam sanad ini ialah Wahab (bin Munabbih). Dan ia menunjukkan apa yang tersebut sebagai contoh ketiga itu sebenarnya tidak lebih daripada kata-kata Wahab sahaja. Wahab tidak pun mengaitkannya dengan Nabi s.a.w.

Jika diandaikan Wahab memang mengangkat kata-katanya itu kepada Nabi s.a.w. berdasarkan sesuatu sanad yang lain (entah sanad mana?), maka ia tetap tidak sah sebagai hadits Rasulullah s.a.w. Kerana selain terputus sanadnya di antara Wahab dan Rasulullah s.a.w., di dalamnya juga terdapat perawi seperti Ashram bin Ḥausyab yang

dikenali sebagai pendusta besar. Ibnu Hibbaan, al-Haakim dan an-Naqqāsy bahkan mengatakan Ashram pereka hadits.

(3) Terdapat satu lagi saluran riwayat di dalam *Ĥilyatu al-Auliya'* bagi apa yang dida'wakan sebagai hadits itu. Lihat sanad dan teksnya di bawah ini:

حَدَّثَنَا أَبُو مُحَمَّدٍ بْنُ حَيَّانَ , قَالَ: قَرَأْتُ عَلَى أَبِي بَكْرٍ بْنِ مُكْرَمٍ , حَدَّثَنِي مُسْرِفُ بْنُ سَعِيدٍ , حَدَّثَنِي حَسَنُ بْنُ يَحْيَى بْنِ
أَدَمَ , عَنْ أَبِيهِ , قَالَ: كُنَّا عِنْدَ حَمَّادِ بْنِ زَيْدٍ وَهُوَ عَلَى دُكَّانٍ , مَعَهُ قَوْمٌ يُحَدِّثُهُمْ قَدْ جَاءُوهُ عَلَى دَوَابٍّ فَرَكَبَ أَبُو الرَّبِيعِ
الْأَعْرَجُ عَلَى قَصَبَةٍ وَجَاءَ يَقُولُ: الطَّرِيقُ الطَّرِيقُ , فَقَالَ: مَالِكُ يَا أَبَا الرَّبِيعِ , قَالَ: يَا أَبَا إِسْمَاعِيلَ إِنِّي رَأَيْتُكَ تُحِبُّ
أَصْحَابَ الدَّوَابِّ فَتَهْتَمُّ بِهِمْ , قَالَ: يَا أَبَا الرَّبِيعِ إِنَّ لَكُمْ عِنْدِي أَيَادِي , فَقَالَ أَبُو الرَّبِيعِ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ: «اطْلُبُوا الْأَيَادِي عِنْدَ فُقَرَاءِ الْمُسْلِمِينَ فَإِنَّ لَهُمْ دَوْلَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ» فَبَكَى حَمَّادٌ.

Bermaksud: Maka berkata Abu ar-Rabī', Rasulullah s.a.w. bersabda: “Carilah pertolongan pada faqir miskin di kalangan orang-orang Islam. Kerana mereka ada kuasa pada hari kiamat (nanti).”

Perawi teratas di dalam sanad ini ialah Abu ar-Rabī'. Dia memang dengan jelas berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda. Dengan itu terbukti contoh ketiga yang dikemukakan di atas memang telah dida'wa sebagai hadits Rasulullah s.a.w. Di dalam sanad ini juga tidak tersebut nama Ĥusain bin 'Ali cucunda Rasulullah s.a.w.

Siapakah Abu ar-Rabī' yang dimaksudkan di dalam sanad itu? Adakah dia seorang sahabat Rasulullah s.a.w.? Tentu sekali tidak.

Kerana Abu Nu'aim sendiri menyebutkan bahawa Abu ar-Rabī' itu ialah Abu ar-Rabī' as-Sā'ih. Memang tidak ada seorang pun sahabat Rasulullah s.a.w. yang digelar dengan gelaran Abu ar-Rabī' as-Sā'ih seperti itu. Abu ar-Rabī' as-Sā'ih ini digelar juga dengan gelaran Abu ar-Rabī' as-Shūfi.

Daripada 17410 buah buku di dalam Maktabah asy-Syāmilah, nama Abu ar-Rabī' as-Sā'ih ini terdapat di dalam hanya 2 buah buku sahaja, “*Ĥilyatul Auliya'*” dan “*Fadhā'il Mishr al-Mahrūsah*”. Ya, nama ini tersebut juga di dalam “*Ĥusnu at-Tanabbuh Li Ma Warada Fi at-Tasyabbuh*”, buku ketiga selain dua buku tadi, tetapi pada hakikatnya ia hanyalah petikan daripada kitab *Ĥilyatul Auliya'* itu juga.

Daripada dialog yang tersebut di dalam riwayat berkenaan dapat dikesan Abu ar-Rabī yang tersebut di dalam sanad itu adalah seorang yang hidup sezaman dengan Ḥammād bin Zaid.

Ḥammād bin Zaid menurut Hafīzh Ibnu Hajar adalah perawi dari thabaqah ke-8. Mereka terdiri daripada Tāb`i at-Tābi`in peringkat tengah, seperti Sufyan bin `Uyainah dan lain-lain. Walaupun Imam Malik dan Ḥammād bin Zaid meninggal dunia pada tahun yang sama, iaitu pada tahun 179 Hijrah, namun Malik lebih tua daripadanya. Kerana itu Malik disenaraikan sebagai perawi dari thabaqah ke-7.

Paling tidak dua orang perawi telah gugur / digugurkan di antara Abu ar-Rabī dan Nabi s.a.w. Kalau begitu hadits tersebut sudah dikira sebagai hadits mu`dhal. Dan Abu ar-Rabī hanya meriwayatkannya secara ta`līq.

Hadits mu`dhal dan hadits mu`allaq juga terbilang sebagai hadits dha`if. Kalau perawi yang gugur atau digugurkan lebih ramai, maka haditsnya akan menjadi semakin dha`if.

Mengambil kira riwayat kelima di bawah nama Abu ar-Rabī as-Sā`ih yang dikemukakan oleh Abu Nu`aim di dalam Ḥilyatul Auliya' pula, kemungkinan perawi yang gugur di antara Abu ar-Rabī dan Rasulullah s.a.w. adalah antara 4 atau lima orang. Lihat riwayat berkenaan bersama sanadnya di bawah ini:

حَدَّثَنَا أَبُو أَحْمَدَ مُحَمَّدُ بْنُ أَحْمَدَ الْغَطَرِيُّ ثنا جُبَيْرُ بْنُ مُحَمَّدٍ الْوَرَّاقُ، ثنا أَبُو حَاتِمٍ [ص: ٢٩٧]، ثنا عَبْدَةُ بْنُ سُلَيْمَانَ الْمَرْزُوقِيُّ، ثنا أَبُو الرَّبِيعِ، عَنْ رَجُلٍ، عَنْ أَبِي حَمْرَةَ، عَنْ أَبِي جَعْفَرٍ، قَوْلَهُ تَعَالَى: {أُولَئِكَ يُجْزَوْنَ الْغُرْفَةَ بِمَا صَبَرُوا} [الفرقان: ٧٥]. قَالَ: «عَلَى الْفَقْرِ فِي دَارِ الدُّنْيَا»

Bayangkan betapa lemahnya hadits contoh ketiga tersebut. Empat atau lima orang perawi gugur berturut-turut di dalam sanadnya. Itu belum lagi dilihat kepada keadaan perawi-perawinya yang lain.

Kalau perawi di antara Imam Malik dan Rasulullah s.a.w. di dalam kitab beliau al-Muwattha' kadang-kadang sampai tiga atau empat orang, maka apa peliknya kalau di antara Abu ar-Rabī juga ada 4 atau lima orang. Soalnya siapa mereka yang gugur atau digugurkan itu dari sanadnya itu? Apa nama mereka?

Selagi tidak diketahui dengan jelas dan pasti siapa mereka, dan tidak terbukti pula mereka perawi yang tsiqah, selama itulah hadits tersebut dianggap dha`if.

(4) Al-'Irāqī berkata, "Sanadnya sangat dha'if." Ibnu Taimiyyah, adz-Dzahabi, Ibnu al-Qaiyyim, Hafizh Ibnu Hajar, as-Sakhāwī dan kebanyakan pengarang kitab-kitab yang mengumpulkan hadits-hadits maudhu' pula dengan yakin mengatakan ia adalah hadits maudhu'. (Lihat Faidhu al-Qadīr j.1 m/s 113).

(5) Hadits-hadits palsu seperti contoh ketiga itu jika tidak didedah kepalsuannya, secara tidak langsung akan memberi kesan buruk kepada jiwa orang-orang Islam, kerana ia menyatakan kelebihan kehidupan dalam keadaan papa kedana dan melarat. Kalau tidak di dunia pun, di akhirat sudah pasti terjamin!

Usul (44): Hadits-hadits yang menyatakan kelebihan orang yang bernama Muhammad atau Ahmad semata-mata kerana nama itu, dan celaan serta ancaman terhadap orang-orang yang tidak melebihi orang yang bernama Muhammad atau Ahmad. Demikian juga celaan dan ancaman terhadap orang-orang yang tidak menamakan anak-anak mereka dengan dua nama tersebut, semuanya maudhu', paling elok pun ia dha'if sangat. Tidak ada satu pun daripadanya tsabit dan sahih.

Contoh Pertama:

الْأَيْتُ عَلَى نَفْسِي أَنْ لَا يَدْخُلَ النَّارَ مَنْ اسْمُهُ أَحْمَدُ وَلَا مُحَمَّدٌ

Bermaksud: Aku bersumpah atas diriKu (Aku berjanji) bahawa tidak akan masuk neraka orang yang bernama Ahmad dan Muhammad.

Rujukan:

Al-Firdaus Bi Matsūr al-Khithāb j.5 m/s 535, Al-Mauhū'āt j.1 m/s 157, Tanzīh asy-Syarī'ah al-Marfū'ah j.1 m/s 173-174, Jāmi' al-Aḥādīts al-Qudsiyyah m/s 55, al-La'ālī' al-Mashnū'ah j.1 m/s 97, Talkhīsh al-Maudhū'āt m/s 9, al-Manār al-Munīf m/s 61, al-Fawā'id al-Majmū'ah m/s 471.

Komentar:

(1) Hadits yang dikemukakan sebagai contoh pertama itu sebenarnya adalah sebahagian daripada hadits yang dida'wa telah diriwayatkan oleh Anas bin Malik r.a. Ia dengan lengkap dan bersanad terdapat di dalam sebuah kitab bernama al-"Maqshidu al-Aḥmad Bi Taḥqīqi Juz'i Fadḥā'il at-Tasmiah Bi Aḥmad Wa Muḥammad".

Kitab ini merupakan satu juzu' khusus yang membincangkan tentang hadits-hadits rekaan berkenaan dengan kelebihan menamakan seseorang dengan nama Ahmad atau Muhammad. Ia ditulis oleh Ibnu Bukair, seorang muhaddits pada abad ke-4 Hijrah. Nama penuhnya ialah Abu 'Abdillah al-Ĥusain bin Ahmad bin 'Abdillah bin Bukair al-Baghdādi as-Shairafi. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 388 Hijrah.

Di bawah ini diperturunkan hadits berkenaan yang tercatat di dalam kitab itu selengkapnyanya:

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ نَصْرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الْفَتْحِ ثَنَا جَدِّي صَدَقَهُ بْنُ مُوسَى الْعَنَوِيُّ ثَنَا أَبِي ثَنَا حُمَيْدُ الطَّوِيلُ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : « يُؤَقَفُ عَبْدَانِ بَيْنَ يَدَيِ اللَّهِ ، فَيَأْمُرُ بِهِمَا إِلَى الْجَنَّةِ ، فَيَقُولَانِ : رَبَّنَا بِمِ اسْتَأْهَلْنَا دُخُولَ الْجَنَّةِ وَلَمْ نَعْمَلْ عَمَلًا تُجَازِينَا بِهِ الْجَنَّةَ ، فَيَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى : أَدْخُلَا عَبْدَايَ ، فَإِنِّي أَلَيْتُ عَلَى نَفْسِي أَلَّا يَدْخُلَ النَّارَ مَنْ اسْمُهُ أَحْمَدُ وَمُحَمَّدُ

Bermaksud: Anas bin Malik meriwayatkan, katanya, Rasulullah s.a.w. telah bersabda: “Dua orang hamba (manusia) di hadapan ke hadapan Allah, lalu Allah memerintahkan supaya dibawakan kedua-duanya ke syurga. Ketika itu mereka berdua berkata, “Tuhan! Dengan sebab apakah kami telah layak masuk syurga, padahal kami tidak pernah melakukan apa-apa amalan yang melayakkan kami diberi balasan syurga?” Maka Allah s.w.t. berkata, “Masuklah kamu berdua wahai hambaKu. Sesungguhnya Aku telah bersumpah atas diriKu (Aku berjanji) bahawa tidak akan masuk neraka orang yang bernama Ahmad dan Muhammad.

(2) Ibnu al-Jauzi di dalam al-Maudhū'āt (j.1 m/s 157) juga meriwayatkan hadits tersebut melalui saluran riwayat Muaddits Ibnu Bukair yang dikemukakan di atas. Setelah mengemukakannya beliau berkata, “Ini adalah hadits yang tiada asalnya. Kata Ibnu Hibbaan, Shadaqah bin Musa tidak boleh dijadikan hujah. Hadits bukan bidangnya. Kalau dia meriwayatkan (sesuatu hadits), dia akan menunggangbalikkannya.”

(3) Menurut adz-Dzahabi Shadaqah bin Musa yang disebut oleh Ibnu al-Jauzi itu lain. Ia adalah Shadaqah bin Musa ad-Daqīqi Abul Mughīrah al-Bashri. Melalui nukilan kata-kata Ibnu Hibbaan olehnya dapat diketahui bahawa Shadaqah bin Musa itulah yang dimaksudkannya. Beliau terkeliru.

Shadaqah bin Musa ad-Daqīqi itu lebih baik kedudukannya daripada Shadaqah bin Musa al-Ghanawi. Kerana Shadaqah bin Musa al-Ghanawi dan ayahnya kedua-duanya

majhūl. Shadaqah bin Musa yang tersebut di dalam sanad itu sebenarnya ialah Shadaqah bin Musa al-Ghanawi.

Hafizh Ibnu Hajar juga di dalam Lisān al-Mizān mengatakan Shadaqah bin Musa itu majhūl.

(4) Orang yang tertuduh mereka (mengada-ngadakan) hadits itu menurut adz-Dzahabi dan lain-lain sebenarnya ialah guru Ibnu Bukair sendiri, Ahmad bin Nashr bin `Abdillah adz-Dzāri` al-Baghdādi an-Nahrawāni. Dia seorang pendusta besar, dajjal, pereka hadits dan Syi`ah Rafidhah.

Dāraquthni berkata, “Dia dajjal.” Khathīb al-Baghdādi pula berkata, “Kata-kata (riwayat) adz-Dzāri` tidak boleh dijadikan hujah, dia dikatakan telah mengada-gadakan banyak hadits maudhu`. Hadits-haditsnya mengandung keganjilan yang menunjukkan dia seorang perawi tidak tsiqah.”

(5) Adz-Dzahabi di dalam Talkhīsh al-Maudhū`āt berkata tentang sanad hadits itu: “Sanadnya gelap, ia adalah hadits maudhū` (yang direka) dengan menggunakan nama Ḥumaid at-Thawīl yang meriwayatkannya daripada Anas.”

(6) Kata al-Ubbi, “Tidak ada satu pun hadits sahih tentang kelebihan menamakan seseorang dengan nama Muhammad.” Hafiz Abul `Abbaas Taqiyyuddin al-Ḥarrāni bahkan berkata, “Semua hadits tentangnya maudhu`.”

(7) Boleh dikatakan semua penulis kitab-kitab hadits maudhu` menyanaikan hadits contoh pertama itu sebagai hadits maudhu`.

(8) Ibnu al-Qayyim berkata, “Termasuk dalam hadits maudhu` juga hadits-hadits yang memuji orang-orang yang bernama Muhammad atau Ahmad, dan menyatakan semua orang yang bernama dengan nama-nama tersebut tidak akan masuk neraka. Perkara ini bercanggah dengan apa yang sedia diketahui daripada agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. bahawa neraka tidak dapat dihindari dengan nama-nama dan gelaran-gelaran. Manusia hanya terlepas dari neraka dengan iman dan amal shalehnya.”

Contoh Kedua:

لَا يَدْخُلُ الْقَرْبُ بَيْتًا فِيهِ اسْمِي

Bermaksud: Kepapaan tidak akan masuk ke dalam rumah yang ada namaku di dalamnya.

Rujukan:

Al-Kāmil Fi Dhu`afā' ar-Rijāl j.6 m/s 160, al-Maudhū`āt j.1 m/s 155, al-La`ālī' al-Mashnū`ah j.1 m/s 96, Dzakhīratu al-Ĥuffāzh j.5 m/s 2711, Talkhīsh al-Maudhū`āt m/s 9. Tanzīh asy-Syarī`ah al-Marfū`ah j.1 m/s 173, al-Fawā'id al-Majmū`ah m/s 471.

Komentar:

(1) Hadits ini dikemukakan oleh Ibnu `Adi daripada riwayat Abi Hurairah secara marfū` di dalam al-Kāmil Fi Dhu`afā' ar-Rijāl. Di bawah ini adalah sanadnya:

ابن عدي حدثنا الفضل بن محمد بن سليمان حدثنا ابن مصفى حدثنا عثمان ابن عبد الرحمن عن محمد بن عبد الملك عن يحيى بن سعيد عن سعيد بن المسيب عن أبي هريرة مرفوعا

Setelah mengemukakannya Ibnu `Adi mengomentarnya dengan berkata, “Tidak sah. `Utsman perawi dipertikaikan. Gurunya mereka hadits. Hadits ini dengan sanad ini *terlalu mungkar*. Tidak ada orang meriwayatkannya daripada Yahya selain Muhammad bin `Abdil Malik al-Anshāri, sedangkan ia seorang perawi *matrūkul ḥadīth*.”

Imam Ahmad juga menurut apa yang dinukilkan oleh adz-Dzahabi dan Ibnu al-Jauzi telah berkata, “Muhammad bin `Abdil Malik itu pereka hadits.”

(2) Apa ertinya kepapaan tidak akan masuk ke dalam rumah yang ada namaku di dalamnya? Apakah ia bererti namaku yang tergantung di dinding rumahnya, atau namaku yang terletak di mana-mana bahagian rumahnya, atau orang yang bernama Muhammad ada di dalam rumahnya?

Pakailah dengan apa ma`na sekalipun, ia tetap bercanggah dengan kenyataan. Bercanggah dengan kenyataan juga merupakan salah satu usul dirayah hadits. Salah satu tanda hadits maudhu` ialah ia bercanggah dengan kenyataan.

(3) Hadits-hadits seperti ini boleh mendorong masyarakat yang jahil tentang agama bertawassul dengan cara yang salah, sehingga membawa mereka ke lembah kesyirikan. Nama Nabi Muhammad s.a.w. mungkin digantung di dinding rumah atau diletakkan pada tempat-tempat tertentu di dalam rumah supaya terhindar daripada kepapaan.

(4) Kalau apa yang disebutkan sebagai hadits itu memang sabda Nabi s.a.w. tentulah telah ramai para sahabat mengamalkannya. Tentulah di setiap dinding rumah mereka ada tergantung nama Nabi s.a.w. Amalan mereka itu pula akan diwarisi turun temurun secara *tawatur amali* seperti azan, berkhitan dan lain-lain oleh generasi kemudian. Apalagi kalau ia dapat menghindarkan orang-orang Islam daripada kepapaan. Siapa tidak mahu terhindar dari kepapaan?

(5) Tidak terdapatnya apa yang disebut sebagai hadits itu di dalam kitab-kitab hadits yang utama membuktikan ia bukan hadits sebenarnya. Itulah sebabnya ia hanya terdapat di dalam kitab-kitab hadits maudhu' sahaja.

(6) Hampir tidak ditemui orang Islam di negara kita mengamalkannya. Secara tidak langsung dapat difahami bahawa hadits seperti itu tidak tersebar di kalangan mereka. Apabila masyarakat Islam celik hadits, terhindarlah mereka daripada tipudaya-tipudaya atas nama Nabi s.a.w.

Contoh Ketiga:

مَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ قَطُّ فِي مَثْوَرَةٍ فِيهِمْ رَجُلٌ اسْمُهُ مُحَمَّدٌ لَمْ يَدْخُلُوهُ فِي مَثْوَرَتِهِمْ، إِلَّا لَمْ يُبَارَكْ لَهُمْ فِيهِ

Bermaksud: Tidak berkumpul mana-mana kaum sama sekali untuk bermesyuarat, sedangkan ada di antara mereka seorang yang bernama Muhammad, tetapi mereka tidak memasukkannya dalam mesyuarat mereka, melainkan mesyuarat mereka tidak diberkati.

Rujukan:

Al-Kāmil Fi Dhu'afā' ar-Rijāl j.1 m/s 275-276, Tanzīh asy-Syarī'ah al-Marfū'ah j.1 m/s 173, al-Maudhū'āt j.1 m/s 156, al-La'ālī' al-Mashnū'ah j.1 m/s 96, al-Jāmi' al-Kabīr j.7 m/s 422, Talkhīsh al-Maudhū'āt m/s 9. Tanzīh asy-Syarī'ah al-Marfū'ah j.1 m/s 173, al-Fawā'id al-Majmū'ah m/s 471.

Komentar:

(1) Hadits contoh ketiga di atas telah dikemukakan oleh Ibnu 'Adi di dalam Al-Kāmil Fi Dhu'afā' ar-Rijāl daripada 'Ali secara marfū'. Berikut adalah sanadnya:

حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ نَاجِيَةَ ، حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ مَفْضَلٍ ، حَدَّثَنَا عُثْمَانُ الطَّرَائِفِيُّ ، حَدَّثَنَا أَحْمَدُ الشَّامِيُّ ، عَنْ أَبِي الطَّفِيلِ عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Setelah mengemukakannya Ibnu `Adi mengomentarnya dengan berkata, “Hadits ini tidak mahfūzh. Ahmad asy-Syāmi ialah bin (anak) Kinānah. Al-Walīd bin Salamah meriwayatkan daripadanya. Saya (Ibnu `Adi) mendengar Abu `Arūbah berkata, “‘Utsman at-Tharā’ifi meriwayatkan daripada perawi-perawi majhūl. Ia mempunyai banyak riwayat yang pelik-pelik. Ia di kalangan orang-orang Jazirah sama seperti Baqiyyah di kalangan orang-orang Syam. Kerana Baqiyyah juga meriwayatkan daripada perawi-perawi majhūl. Dan dia juga mempunyai banyak riwayat yang pelik-pelik.”

(2) Ibnu `Arrāq al-Kināni setelah mengemukakan hadits contoh ketiga di dalam kitabnya Tanzīh asy-Syarī’ah al-Marfū’ah berkata, “‘Utsman at-Tharā’ifi dikatakan tsiqah oleh Ibnu Ma’in. Abu Daud, Nasā’i dan Ibnu Majah juga meriwayatkan haditsnya. Hafizh Ibnu Hajar di dalam Taqrīb at-Taḥdzīb berkata tentangnya, “Dia perawi Shadūq yang banyak meriwayatkan hadits daripada perawi-perawi dha’if dan majhūl. Kerana itu ia dianggap dha’if.”

Hafiz adz-Dzahabi dan Ibnu Hajar mengatakan hadits (contoh ketiga) itu dusta. Tetapi mereka berdua menyebutnya di bawah biografi Ahmad bin Kinānah asy-Syāmi, guru at-Tharā’ifi. Kesimpulannya ialah Ahmad bin Kinānah asy-Syāmi yang dipersalahkan, bukan at-Tharā’ifi.”

(3) Hafiz adz-Dzahabi di dalam Talkhīsh al-Maudhū’āt berkata, “‘Utsman dha’if. Gurunya majhūl, dan haditsnya sāqith (gugur).” Ibnu Hibbaan pula berkata tentang ‘Utsman at-Tharā’ifi bahawa tidak harus ia dijadikan hujah.

(4) Kesimpulannya ialah tokoh-tokoh hadits seperti Ibnu al-Jauzi, adz-Dzahabi, Hafizh Ibnu Hajar dan lain-lain mengatakan hadits contoh ketiga itu dusta dan maudhu’.

(5) Hadits itu juga terlalu tidak praktikal. Apa ertinya mengajak orang yang bernama Muhammad menghadhiri setiap mesyuarat? Adakah dia perlu diajak semata-mata untuk mendapat keberkatan, walaupun dia bukan ahli mesyuarat?

(6) Hadits yang tidak rasional begini bukan sahaja memeningkan kepala dan meresahkan jiwa orang-orang yang telah beragama Islam, ia juga boleh meliarkan dan menjauhkan orang-orang bukan Islam yang cuba berjinak-jinak dengan Islam.

Contoh Keempat:

من ولد له ثلاثة أولاد فلم يُسمَ أَحَدُهُمْ مُحَمَّدًا فَقَدْ جَهِلَ

Bermaksud: Sesiapa mendapat tiga orang anak laki-laki, tetapi ia tidak memberi nama Muhammad kepada seorang pun daripadanya, bererti ia memang jahil.

Rujukan:

Al-Mu`jamu al-Kabīr j.22 m/s 94, al-Kāmil Fi Dhu`afā' ar-Rijāl j.7 m/s 236-237, Majma' az-Zawā'id j.8 m/s 49, Jāmi' al-Aḥādīts j.21 m/s 490, al-Jāmi' al-Kabīr j.7 m/s 422, Faidhu al-Qadīr j.6 m/s 237, at-Tanwīr Syarḥ al-Jāmi' as-Shaghīr j.10 m/s 424, as-Silsilatu al-Aḥādīts ad-Dha'īfah j.1 m/s 439, al-Mudāwi Li 'Ilali al-Jāmi' as-Shaghīr j.6 m/s 420-421, al-Maudhū'āt j.1 m/s 154-155, al-La'ālī' al-Mashnū'ah j.1 m/s 93-94, Talkhīsh al-Maudhū'āt m/s 8. Tanzīh asy-Syarī'ah al-Marfū'ah j.1 m/s 197, al-Fawā'id al-Majmū'ah m/s 470.

Komentar:

(1) Ibnu al-Jauzi di dalam al-Maudhū'āt di bawah tajuk بَابُ التَّسْمِيَةِ بِمُحَمَّدٍ telah mengemukakan 9 hadits berkenaan dengan kelebihan menamakan seseorang dengan nama Muhammad. Beliau membuktikan bahawa tidak ada satu pun daripadanya sahih dan tsabit.

(2) Sahabat-sahabat yang dida'wa telah meriwayatkannya daripada Nabi s.a.w. antara lainnya ialah:

(i) Ibnu `Abbaas. (ii) Ibnu `Umar. (iii) Sa`ad bin Abi Waqqāsh. (iv) Abu Hurairah. (v) `Ali bin Abi Thālib. (vi) Anas bin Malik. (vii) Abu Umāmah al-Bāhili. (viii) al-Miswar bin Makhramah. (ix) Wāsilah bin al-Asqa`.

(3) Tidak kurang juga riwayat mursal dan mu'dhal dikemukakan sebagai riwayat penyokong bagi hadits-hadits yang dida'wa telah diriwayatkan oleh para sahabat yang tersebut tadi. Antaranya: (i) Hadits Ja`far bin Muhammad daripada ayahnya daripada

datuknya. (ii) Hadits `Abdul Malik bin Harun bin `Antarah daripada ayahnya daripada datuknya. Dan (iii) Hadits an-Nadhr bin Syufai secara mursal. Dan lain-lain.

(4) Hadits Ibnu `Abbaas adalah hadits contoh keempat yang dikemukakan di atas. Ia diriwayatkan oleh at-Thabaraani di dalam al-Mu`jam al-Kabīr, Ibnu `Adi di dalam al-Kāmil dan al-Ĥārith bin Abi Usāmah di dalam Musnadnya. Berikut dikemukakan sanad at-Thabaraani di dalam al-Mu`jam al-Kabīr:

حدثنا أحمد بن النضر العسكري ، أخبرنا أبو خيثمة مصعب بن سعيد ، أخبرنا موسى بن أيمن ، عن ليث ، عن مجاهد ، عن ابن عباس مرفوعا

Di dalam sanad ini terdapat beberapa orang perawi yang sangat bermasalah. Antaranya:

(a) Abu Khaitamah Mush`ab bin Sa`id. Ibnu `Adi berkata tentangnya, “Dia meriwayatkan banyak riwayat mungkar daripada perawi-perawi tsiqāt.” Kemudian Ibnu `Adi mengemukakan tiga riwayatnya sebagai contoh. Adz-Dzahabi mengomentarnya dengan berkata, “Ini memang mungkar dan malapetaka.” Ibnu `Adi juga berkata, “Tanda-tanda kelemahan jelas nyata pada riwayat-riwayatnya.”

(b) Laits bin Abi Sulaim. Laits adalah seorang perawi yang disepakati para ulama Rijāl tentang kedha`ifannya. Ibnu al-Jauzi di dalam al-Maudhū`āt meletakkan kecacatan riwayat Ibnu `Abbaas itu pada Laits. Kata beliau, “Musa bersendirian meriwayatkannya daripada Laits. Dan Laits dikatakan perawi matrūk oleh Ahmad dan lain-lain. Ibnu Hibbaan berkata, “Fikirannya bercelaru di akhir hayatnya. Dia menunggangbalikkan sanad-sanad dan memarfū`kan hadits mursal.”

As-Suyuthi mengkritik Ibnu al-Jauzi kerana menghukum hadits itu sebagai maudhu` dan meletakkan beban kesalahannya di atas belakang Laits. Kata beliau, “Keadaan Laits tidaklah sampai membolehkan haditsnya dihukum maudhu`. Imam Muslim dan empat pengarang kitab Sunan meriwayatkan haditsnya. Ibnu Ma`īn dan lain-lain pula mengatakan beliau tsiqah.”

Bagi penulis, keputusan Ibnu al-Jauzi lebih tepat berhubung dengan hadits ini. Laits adalah perawi yang disepakati para ulama Rijāl tentang kedha`ifannya. Walaupun mereka tidaklah mengatakan dia dengan sengaja mereka hadits, tetapi kedha`ifannya tetap diterima oleh semua pihak.

Walaupun as-Suyuthi mengatakan Ibnu Ma'īn mensiqahkan Laits, itu hanya berdasarkan satu riwayat daripada beliau. Terdapat beberapa lagi riwayat perwi-perawi tsiqāt daripada Ibnu Ma'īn menukilkan kata-kata beliau yang mendha'ifkan Laits. Kata-kata Ibnu Ma'īn bahawa Laits tsiqah, tidaklah bererti beliau tidak menganggap Laits dha'if.

Inilah yang dimaksudkan oleh Bukhari apabila berkata tentang Laits, “Perawi shadūq yang waham.” Perkara yang sama juga telah disebutkan oleh Ya'qub bin Syaibah tentangnya, “Perawi shadūq yang dha'if haditsnya.”

Lafaz ta'dīl yang diberikan kepadanya terlalu rendah sehingga ia boleh disertai lafaz jarḥ.

As-Suyuthi mungkin terlepas pandang terhadap satu qaedah dirayah hadits yang dipegang oleh Ibnu al-Jauzi bahawa sesuatu hadits yang sanadnya dha'if, matannya mungkin sekali maudhu' kerana faktor-faktor lain. Sebagaimana tidak semestinya apabila sanad sesuatu hadits sahih, maka matannya juga sahih. Sebagaimana tidak semestinya juga apabila sanad sesuatu hadits dha'if, maka matannya dha'if. Boleh jadi matannya sahih.

Berhubung dengan hadits yang sedang kita bincangkan sekarang, kalaulah kandungannya benar, tidak sangat dha'if atau maudhu', kenapa sekian ramai sahabat - baik semasa hayat Rasulullah atau selepas kewafatan Baginda - yang telah dikurniakan lebih daripada tiga orang anak laki-laki tidak menamakan seorang pun daripadanya dengan nama Muhammad?!

Saiyyidina `Umar sebagai contohnya mempunyai anak laki-laki lebih daripada tiga orang, tetapi tidak ada seorang pun daripadanya bernama Muhammad! Bolehkah dengan sebab itu kita mengatakan Saiyyidina `Umar memang jahil?

Inilah yang ada dalam perkiraan Ibnu al-Jauzi dan tidak terfikir oleh as-Suyuthi mungkin! As-Suyuthi nampaknya lebih memberikan perhatian kepada sudut sanad semata-mata. Sedangkan Ibnu al-Jauzi pula mengambil kira kandungan atau matan hadits selain sanadnya.

Sebagaimana telah disebutkan sebelum ini bahawa yang bermasalah di dalam sanad itu bukan Laits sahaja. Cuma Ibnu al-Jauzi menyebutkan Laits sahaja seolah-olahnya yang bermasalah. Padahal perawi di bawahnya juga bermasalah.

(5) Pengarang at-Tanwīr (al-Amīr Muhammad bin Isma`il as-Shan`āni m.1182H) menghuraikan maksud potongan terakhir hadits contoh keempat yang diberikan di atas “bererti ia memang jahil”. Kata beliau, maksudnya ialah ia jahil tentang hak nama ini, hak mengambil berkat dengannya dan hak berasa mulia dan bertuah dengannya.

(6) Hadits contoh keempat itu tidak boleh menjadi kuat dengan disokong oleh hadits Wātsilah bin al-Asqa`, hadits Ja`far bin Muhammad daripada ayahnya daripada datuknya dan hadits `Abdul Malik bin Harun bin `Antarah daripada ayahnya daripada datuknya, kerana semua hadits-hadits itu ibarat sokong membawa rebah sahaja. Di dalam sanad setiap satu daripadanya ada perawi-perawi yang tertuduh.

(a) Di dalam sanad hadits Wātsilah ada `Umar bin Musa al-Wajīhi. Ia adalah pendusta besar dan pereka hadits (وضاع).

(b) Di dalam sanad hadits Ja`far bin Muhammad daripada ayahnya daripada datuknya ada `Abdullah bin Dāhir ar-Rāzi. Ibnu al-Jauzi dan adz-Dzahabi mengatakan ia mengada-ngadakan hadits.

(c) Di dalam sanad hadits `Abdul Malik bin Harun bin `Antarah daripada ayahnya daripada datuknya pula ada `Abdul Malik bin Harun itu sendiri. Ia adalah pendusta besar dan pereka hadits.

(7) Sekiranya seseorang muslim menamakan anak-anak lelaki dengan nama-nama lain yang disebut baik oleh Rasulullah s.a.w. seperti `Abdullah, `Abdur Rahman, `Abdur Raḥīm dan lain-lain, niscaya ia benar dalam tindakannya. Tidak boleh dia dikatakan jahil. Nabi s.a.w. bersabda:

إِنَّ خَيْرَ الْأَسْمَاءِ عَبْدُ اللَّهِ وَعَبْدُ الرَّحْمَنِ وَالْحَارِثُ

Bermaksud: Sesungguhnya nama yang paling baik ialah `Abdullah, `Abdur Rahman dan al-Ḥāriths. (Hadits riwayat Ahmad dan at-Thabaraani).

(8) Hadits yang dikatakan terbaik dan bertaraf hasan oleh as-Suyuthi berkenaan dengan kelebihan memberi nama Muhammad kepada anak-anak laki-laki ialah hadits Abu Umāmah berikut:

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ وَلَدَ لَهُ مَوْلُودٌ فَسَمَّاهُ مُحَمَّدًا تَبَرُّكَ بِهِ كَانَ هُوَ وَمَوْلَاؤُهُ فِي الْجَنَّةِ

Bermaksud: Abu Umāmah meriwayatkan, katanya, Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesiapa mendapat anak, lalu dia memberi nama Muhammad kepada anaknya itu sebagai mengambil berkat dengannya, dia dan anaknya itu di dalam syurga.”

Ibnu Bukair mengemukakan riwayat ini di dalam kitabnya فضائل التسمية بأحمد ومحمد . Menerusi saluran riwayatnyalah Ibnu al-Jauzi mengemukakannya di dalam al-Maudhū`āt.

Berikut adalah sanadnya:

حدثنا حامد بن حماد بن المبارك العسكري حدثنا إسحاق بن يسار أبو يعقوب النصيبي حدثنا حجاج بن المنهال حدثنا حماد بن سلمة عن برد بن سنان عن مكحول عن أبي أمامة مرفوعا

Setelah mengemukakan riwayatnya dengan sanad ini Ibnu al-Jauzi berkata, “Di dalam sanadnya ada orang yang dipertikaikan.” Sekadar itu sahaja komentar beliau.

As-Suyuthi ketika mengkritik Ibnu al-Jauzi berhubung dengan hadits ini di dalam al-La`ālī` al-Mashnū`ah j.1 m/s 106 berkata, “Inilah hadits terbaik berhubung dengan perkara ini. Isnadnya hasan. Makhūl salah seorang ulama Tabi`īn dan fuqaha` mereka. Bukan seorang (ulama) mengatakan beliau tsiqah. Imam Muslim berhujah dengan haditsnya di dalam Sahihnya. Riwayatnya dikemukakan oleh Bukhari di dalam al-Adab al-Mufrad. Pengarang-pengarang kitab-kitab hadits yang lain juga memasukkan hadits-haditsnya di dalam kitab-kitab mereka.

Ibnu Ma`īn dan an-Nasā`i mengatakan dia tsiqah. Ibnu al-Madīni mendha`ifkannya. Abu Haatim berkata, dia tidak kuat. Pernah juga beliau berkata, “Dia shadūq.” Abu Zur`ah pula berkata, “Tidak mengapa dengannya.”

As-Suyuthi mungkin mengagak orang yang dikatakan oleh Ibnu al-Jauzi bahawa di dalam sanadnya ada perawi yang dipertikaikan itu ialah Makhūl. Kerana itu beliau cuba

menyebutkan kelebihan-kelebihannya. Padahal `illat hadits ini bukan Makhûl tetapi di bawahnya lagi. As-Suyuthi agaknya tidak perasan tentangnya. Perawi bermasalah yang dimaksudkan oleh Ibnu al-Jauzi ada di dalam sanad itu ialah Hâmid bin Hâmmâd al-`Askari, guru Ibnu Bukair pengarang kitab فضائل التسمية بأحمد ومحمد itu sendiri.

Lihat apa kata adz-Dzahabi di dalam Mîzân al-I`tidâl tentangnya, “Dia (Hâmid bin Hâmmâd al-`Askari) meriwayatkan daripada Ishaq bin Yasâr an-Nashîbi satu hadits yangmana dialah malapetakanya.” Lalu adz-Dzahabi mengemukakan hadits tadi. Hafizh Ibnu Hajar juga menyatakan persetujuan dengan adz-Dzahabi di dalam Lisân al-Mîzân.

Kerana itulah Ibnu al-Qayyim mengatakan hadits ini karut. Mulla `Ali al-Qâri juga memperakuihnya di dalam al-Asrâr al-Marfû`ah.

Lihatlah saudara-saudaraku! Itulah kedudukan hadits yang terbaik berhubung dengan perkara ini. Kalau begitulah keadaan haditsnya yang terbaik, bayangkanlah bagaimana dengan yang lain-lain!!

(9) Dilihat dari sudut Dirayah, hadits ini memang maudhu` kerana bercanggah dengan salah satu usul dirayah hadits, iaitu ia bercanggah dengan ajaran al-Qur`an dan as-Sunnah yang jelas dan diketahui serta dipercayai semua orang Islam bahawa yang menentukan kejayaan dan kelepasan seseorang di akhirat ialah iman dan amal shalehnya, bukan nama dan gelaran semata-mata.

(10) Memanglah harus bahkan baik sekali menamakan anak-anak laki-laki dengan nama-nama nabi terutamanya nama Nabi kita Muhammad s.a.w. Kerana itu adalah tanda kita mengasihi dan menyayangi mereka, dan kita mahu mengikuti jejak langkah mereka. Rasulullah s.a.w. sendiri membenarkan umatnya memakai namanya. Lihat sebagai contohnya sabda Baginda ini:

تَسَمُّوْا بِاسْمِي، وَلَا تَكُنُّوْا بِكُنْيَتِي

Bermaksud: Pakailah namaku, tetapi jangan pakai kuniahku (nama panggilanku Abul Qâsim). (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Tirmidzi, Ibnu Majah, Ibnu Hibbaan dan lain-lain).

Para sahabat Baginda juga ada yang bernama Muhammad, ada juga di antara mereka menamakan anaknya Muhammad. Tidak ada apa-apa masalah pun pada menamakan seseorang dengan nama Muhammad atau Ahmad. Yang salahnya ialah menamakan seseorang dengan nama Muhammad atau Ahmad dengan mempercayai adanya kelebihan-kelebihan seperti tersebut di dalam hadits-hadits maudhu' itu.